



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur

Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.

() KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 35

10 Julai 2009

Pengarang
News Straits Times

Tuan/Puan,

Akhbar : **New Straits Times**
Tarikh : **26 Jun 2009**
Muka surat : **P10**
Tajuk : **Simplify the COB Law**

Saya ingin merujuk kepada surat pembaca akhbar New Straits Times bertajuk "**Simplify the COB Law**", Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada En. Salleh Buang atas pandangan dan pertanyaan yang dikemukakan.

- (1) Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan, Jabatan Perumahan Negara telah menyedari masalah yang timbul berkaitan pelaksanaan Akta 663 tersebut. Pada masa ini proses penambahbaikan Akta telahpun bermula. Untuk tujuan tersebut Kementerian telahpun mengadakan perbincangan

dengan agensi-agensi yang terbabit, jabatan-jabatan serta 'industry players' dan persatuan-persatuan yang berkaitan.

Penambahbaikan tersebut akan mengambil kira tiga perkara penting iaitu (1) Menyelaraskan komponen pengurusan dan penyenggaraan dalam Akta 318 dan 663 bangunan berstrata ke dalam satu akta sahaja iaitu Akta 663, (2) Jawatankuasa bersama KPKT dan NRE akan menyelaras pindaan ini secara serentak, (3) Memasukkan peruntukan baru ke dalam Akta 663 (pindaan) mengikut keperluan isu-isu pelaksanaan Akta yang sedia ada termasuklah daripada segi susunan bahasa undang-undang yang digunakan lebih mudah difahami.

Merujuk kepada persoalan mengenai kemampuan seorang Pesuruhjaya Bangunan untuk menggalas pelbagai tugas, pihak Kerajaan mempunyai tujuan tersendiri dengan melantik Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai Pesuruhjaya Bangunan. Antaranya tujuannya ialah : (1) Kuasa melantik adalah kuasa Kerajaan Negeri (2) PBT mempunyai sumber yang mencukupi dan sesuai dalam melaksanakan tugas-tugas Pesuruhjaya Bangunan (3) Pada masa ini struktur organisasi Unit Pesuruhjaya Bangunan mempunyai kekuatan seramai 6 orang yang terdiri daripada Pegawai Penilai, Penolong Pegawai Penilai, Penolong Akauntan, Penolong Pegawai Tadbir dan kakitangan pentadbiran. Pengisian penjawatan unit Pesuruhjaya Bangunan sedang giat dilaksanakan. Dengan proses penambahbaikan Akta 663, adalah diharapkan Pesuruhjaya dan kualiti kehidupan setiap pihak yang terlibat khususnya pemilik petak akan lebih terjamin.

Berkaitan dengan pelaksanaan Akta oleh PBT, sememangnya terdapat perbezaan struktur Unit Pesuruhjaya Bangunan antara PBT. Unit dibezakan mengikut 4 kategori dan perbezaan ini adalah berdasarkan jumlah petak yang terdapat dalam sesebuah kawasan PBT.

Bagi tujuan penyebaran maklumat mengenai akta ini, pihak kementerian akan menyediakan dan mengedarkan maklumat yang perlu diketahui oleh 'stakeholders' khususnya setiap pemilik petak mengenai tanggungjawab dan fungsi badan pengurusan bangunan berstrata.

Jessylina Mat Lazim
Ketua Komunikasi Korporat
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan